JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

# STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 51/2020

**RUJUKAN : 16-18 MEI 2020**

@MyCensus2020
@StatsMalaysia
BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020
www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

**RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI**

## 1. PENDAHULUAN

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) telah membantu memberi ruang kepada pihak Kerajaan melaksanakan pelbagai aktiviti dan tindakan Kesihatan Awam untuk membendung penularan COVID-19. Keberhasilan usaha ini juga mempunyai kebergantungan yang tinggi terhadap kepekaan setiap lapisan masyarakat dengan membudayakan Kebiasaan Baharu dalam norma kehidupan harian termasuk bagi sambutan perayaan. Statistik kes COVID-19 dengan sejarah merentas negeri merekodkan 971 kes atau 14.1 peratus dari keseluruhan kes sehingga 17 Mei 2020 dan melibatkan 18 kluster daripada 49 kluster yang mempunyai kaitan dengan aktiviti merentas negeri.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 18 Mei 2020 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 5,615** atau 80.9 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **1,213 kes yang masih aktif**. Sementara itu, sebanyak **47 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **6,941 kes.** Kes import meliputi 44.7 peratus dari catatan harian manakala **penularan tempatan berjumlah 26 kes** dengan sebanyak **17 kes dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan bukan warganegara**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 47.6 peratus**, Zon Selatan (23.9 peratus), Wilayah Malaysia Timur (12.8 peratus), Zon Pantai Timur (8.7 peratus) dan Zon Utara (7.0 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** adalah menerusi catatan **di W.P Kuala Lumpur** dengan **merekodkan 38 kes** disusuli Selangor sebanyak 8 kes dan W.P Putrajaya dengan catatan satu (1) kes baharu. Selain itu, sejumlah **113 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **tiada kematian terbaharu** seperti pada Jadual 1.

Statistik pecahan **kumulatif kes aktif mengikut daerah** menunjukkan **7 daerah** dikategorikan sebagai zon merah (41 kes ke atas). Sehingga 16 Mei 2020, **kawasan** yang masih merekodkan **catatan kes aktif** melepasi 100 kes adalah **Rembau** dengan catatan **160 kes.** Sementara itu, **sejumlah 121 daerah dan kawasan** berada dalam kelompok **zon hijau** atau **tanpa kes aktif**. Semua daerah di Kedah, Kelantan, Perlis, Pulau Pinang dan W.P Labuan kekal dengan tiada catatan rekod kes aktif manakala Besut merupakan satu-satunya daerah di Terengganu yang mempunyai catatan kes aktif iaitu sebanyak 4 kes.

Jumlah jangkitan COVID-19 di peringkat global telah meningkat kepada **4,708,415 kes** dengan melibatkan **314,950 kematian. Amerika Syarikat (AS) mendominasi** bilangan kes positif sebanyak **1,486,375 kes** disusuli oleh Rusia dengan 281,752 kes dan United Kingdom (244,995 kes). Secara umumnya, sebanyak 6 negara telah

merekodkan kes positif melebihi 200 ribu kes. Di peringkat ASEAN, **Singapura merekodkan 28,038 kes** jangkitan mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (17,514 kes), Filipina (12,513 kes) termasuk Malaysia (6,941 kes). Sementara itu, **28.4 peratus** daripada keseluruhan kes kematian dunia akibat jangkitan wabak ini didominasi oleh **Amerika Syarikat** diikuti United Kingdom yang menyumbang 11.0 peratus dan Itali (10.1 peratus). Jumlah kes sembuh yang direkodkan telah melebihi 1/3 daripada jumlah kes dunia iaitu 1,726,771 kes dengan peratusan sebanyak 36.67 peratus seperti pada Jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada pelbagai sumber memberikan butiran pasaran buruh dan ekonomi antarabangsa seperti berikut;

> **GLOBAL**: Bank terbesar di Eropah, HSBC telah menurunkan ramalan pertumbuhan global. Ini disebabkan Bank berkenaan melihat sekatan pergerakan yang dipanjangkan hingga bulan April 2020 akan merencat rancangan pembukaan semula ekonomi terutama ke atas aktiviti perniagaan, perdagangan dan perbelanjaan. HSBC dalam satu laporan telah menurunkan unjuran KDNK global kepada penguncupan -4.8 peratus berbanding -3.3 peratus sebelum ini. Bagi negara maju, HSBC menyemak semula unjuran dari penguncupan -5.9 peratus kepada penguncupan -7.1 peratus. Sementara itu, ekonomi baharu muncul (*emerging economies*) disemak semula dari pertumbuhan 0.5 peratus kepada penguncupan -1.7 peratus. Bank turut meramalkan KDNK AS merosot -7.0 peratus manakala China bertumbuh 1.7 peratus. (Reuters)

> **AS**: Sekatan pergerakan di seluruh A.S. menyebabkan penjualan runcit jatuh pada rekod bulanan terdalam pada bulan April 2020. The Census Bureau melaporkan penjualan runcit turun sebanyak -16.4 peratus, setelah turun -8.4 peratus pada bulan Mac 2020. Prestasi ini adalah jauh lebih buruk berbanding kejatuhan -12 peratus yang dijangkakan. Jualan runcit teras (tidak termasuk penjualan kenderaan) turun -17.2 peratus berbanding kejatuhan -8.6 peratus yang dijangkakan. Data turut menunjukkan penurunan berkaitan dengan penjualan runcit di kedai manakala peruncit atas talian meningkat apabila volum penjualan runcit atas talian naik 8.4 peratus pada bulan rujukan. Laporan ini mendedahkan kesan penuh bulanan dari langkah sekatan pergerakan yang dikenakan ketika wabak COVID-19 merebak ke seluruh AS. (Investing.com)

> **AS**: Inventori perniagaan jatuh pada bulan Mac 2020 di tengah penurunan import. Penurunan ini dijangka berterusan kerana gangguan rantaian bekalan global dan aliran barangan yang diakibatkan oleh penularan wabak COVID-19. Commerce Department melaporkan inventori perniagaan merosot -0.2 peratus pada bulan Mac setelah turun -0.5 peratus pada bulan Februari 2020. Penurunan stok perniagaan bagi Mac 2020 sejajar dengan jangkaan penganalisis ekonomi. Import barangan menurun pada bulan Mac 2020 ke terendah sejak Ogos 2017. (Reuters)

**AS**: Jumlah kehilangan pekerjaan di AS melonjak ke paras tertinggi pada Mac 2020. Sementara itu, jumlah perletakan jawatan secara sukarela turun ke kadar terendah bagi tempoh empat setengah tahun. Labor Department melalui tinjauannya *Job Openings and Labor Turnover Survey* (JOLTS) mendapati, jumlah diberhentikan bertambah 9.5 juta kepada 11.4 juta pada Mac 2020 yang merupakan tertinggi sepanjang siri masa statistik ini disusun, pada tahun 2000. Jumlah pemberhentian tertinggi direkodkan oleh industri perhotelan dan makanan dengan jumlah seramai 4.1 juta pekerja. Sementara itu, industri jualan runcit pula kehilangan 908,000 pekerjaan. Kadar pemberhentian pekerjaan Mac 2020 melonjak 7.5 peratus berbanding 1.2 peratus pada Februari 2020. Walau bagaimanapun, jumlah perletakan jawatan secara sukarela menurun 654,000 kepada 2.78 juta, yang merupakan rekod terendah semenjak September 2015. Laporan turut menunjukkan jumlah penawaran pekerjaan menurun 813,000 kepada 6.19 juta manakala jumlah pengambilan pekerjaan menurun 658,000 kepada 5.2 juta pada Mac 2020 yang menjadikan kadar pengambilan pekerja perlahan kepada 3.4 peratus berbanding 3.8 peratus pada bulan sebelumnya. Ketua penganalisis ekonomi AS di Oxford Economics menyatakan, walaupun beberapa pekerjaan akan diambil ketika ekonomi pulih, dijangkakan kekurangan pekerjaan akan berterusan hingga tahun 2021. (Reuters)

**KANADA**: Canadian Real Estate Association melaporkan penjualan rumah Kanada menjunam -56.8 peratus pada bulan April berbanding bulan sebelumnya. Penurunan ini disebabkan oleh langkah sekatan pergerakan yang menyebabkan aktiviti jual beli hartanah terjejas. Persatuan industri tersebut turut menyatakan, pada asas perbandingan tahun-ke-tahun (*YoY)*, nilai jualan turun -57.6 peratus. Selain itu, laporan ini turut menunjukkan Indeks Harga Rumah meningkat 6.4 peratus (*YoY)*. (Reuters)

**UK**: Kesejahteraan kewangan isi rumah UK masih mencatatkan kejatuhan pada bulan ini, walaupun tidak sepantas kejatuhan pada bulan April 2020. Indeks Kewangan Isi Rumah Markit IHS dicatatkan pada 37.8 berbanding 34.9 pada bulan April 2020. Tinjauan mendapati ia didorong oleh penurunan dalam aktiviti di tempat kerja dan pendapatan dari pekerjaan. Ini adalah membimbangkan apabila kebanyakkan responden menyatakan kerisauan ke atas keselamatan pekerjaan yang dilihat memberi kesan kepada perbelanjaan penggunaan sekiranya pandemik ini berlarutan. Data IHS Markit ini adalah berdasarkan tinjauan ke atas 1,500 individu yang dilaksanakan oleh Ipsos MORI pada 7 Mei hingga 10 Mei 2020. (Reuters)

**UK**: Jumlah warga UK yang mengunjungi kedai menjunam pada bulan April 2020 akibat penutupan sektor ekonomi bagi membendung penyebaran COVID-19. Data British Retail Consortium (BRC) menunjukkan penurunan -84.7 peratus jumlah orang yang mengunjungi perniagaan pada bulan lepas. Menurut BRC, sekatan pergerakan telah menurunkan secara dramatik kunjungan pelanggan ke selurus lokasi runcit apabila kedai-kedai terpaksa ditutup. Walau bagaimanapun, penurunan ini kurang memberi kesan kepada pasaraya apabila sebilangan

pasaraya kekal buka bagi memenuhi keperluan asas ketika sekatan pergerakan. Pada minggu lepas, BRC melaporkan penurunan jualan sebanyak -19.1 peratus bulan lalu yang merupakan kejatuhan terbesar sejak ia memulakan indeks bulanannya pada 1995. (Reuters)

**JEPUN**: Harga borong Jepun menurun pada kadar tahunan terpantas dalam hampir empat tahun pada bulan April 2020. Ini menambah kebimbangan negara itu yang berkemungkinan akan kembali mengalami deflasi ketika wabak COVID-19 melanda ekonomi ketiga terbesar di dunia. Walaupun penurunan harga bahan mentah dapat memberi sedikit kelegaan kepada peruncit yang penjualannya dilanda krisis kesihatan, kemungkinan besar akan mendorong inflasi pengguna jauh dari sasaran 2 peratus oleh Bank of Japan (BoJ). Seara keseluruhan, indeks harga barang korporat (CGPI), yang mengukur harga syarikat satu sama lain untuk barangan dan perkhidmatan dilaporkan merosot -2.3 peratus pada bulan April. Prestasi ini adalah lebih rendah daripada ramalan median pasaran iaitu pada kadar penurunan -1.6 peratus. Ini adalah kejatuhan yang terbesar sejak November 2016 setelah mengalami -0.4 peratus pada Mac 2020 yang lepas. (Reuters)

**SINGAPURA**: Eksport Singapura meningkat untuk bulan ketiga berturut-turut pada bulan April, disokong oleh kenaikan mendadak penghantaran barangan farmasi. Eksport domestik bukan minyak (NODX) meningkat 9.7 peratus tetapi lebih sederhana berbanding lonjakan 17.6 peratus pada bulan sebelumnya. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ini adalah lebih tinggi berbanding median anggaran tujuh penganalisis ekonomi dalam tinjauan Reuters, iaitu pada unjuran penurunan -5 peratus. Berdasarkan penyesuaian musim bagi data perbandingan bulan-ke-bulan, eksport turun -5.8 peratus pada bulan April setelah berkembang 12.8 peratus pada bulan Mac. Bagi produk farmaseutikal, dilaporkan eksport barangan tersebut meningkat 174.3 peratus pada bulan rujukan. Berdasarkan perbandingan tahun ke tahun jumlah dagangan merosot 12.8 peratus pada bulan April dengan eksport menyusut 12.7 peratus sementara import merekodkan pertumbuhan negatif 13 peratus. (Reuters)

**THAILAND**: Ekonomi Thailand merosot pada suku pertama untuk pertama kalinya sejak 2014. KDNK menyusut -1.8 peratus dari tahun lalu. Walau bagaimanapun, penyusutan ini adalah jauh lebih rendah berbanding anggaran median penganalisis ekonomi dalam tinjauan Bloomberg pada kadar penurunan -3.9 peratus padatempoh rujukan. Ekonomi Thailand yang sangat bergantung pada pelancongan dan perdagangan, mengalami tekanan apabila negara-negara di seluruh dunia mengenakan sekatan pergerakan bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Data rasmi menunjukkan kejatuhan kedatangan pelancong asing sebanyak -74.6 peratus pada bulan Mac dari tahun lalu. Kerajaan Thailand telah memperkenalkan pakej rangsangan bernilai sekitar 15 peratus kepada KDNK untuk membantu mengurangkan impak krisis wabak tersebut ke atas ekonomi. Dijangkakan KDNK Thailand akan merosot sekitar 5 peratus – 6 peratus tahun ini. (Bloomberg)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1) AirAsia Group, Berjaya Group, Sapura Energy Bhd, Tan Chong Motors Holdings Bhd dan Handal Energy Bhd telah mengumumkan **pemotongan gaji kakitangan serta langkah penjimatan lain** untuk mengekalkan aliran tunai dan memastikan perniagaan mereka terus bertahan.

2) Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd menawarkan **sokongan tambahan kepada pembekal perusahaan kecil dan sederhana (PKS)** di 60 cawangan di seluruh negara sempena Ramadan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri. Sekitar **80 peratus produk *Tesco Own Brand* dihasilkan oleh PKS tempatan.**

3) Presiden Persatuan Pengilang Plastik Malaysia (MPMA) menyatakan jumlah **PPE utama** yang diperlukan sekitar **tiga (3) juta keping** susulan jangkitan wabak COVID 19 pada bulan lalu. Oleh itu, sektor pembuatan Malaysia telah meningkatkan usaha pengeluarannya dan kini dapat menghasilkan **sehingga lima (5) juta** keping alat pelindung diri (PPE).

4) MTUC **menggesa pihak berkuasa** supaya telus dan **menyiarkan senarai penerima *Special Relief Facility* (SRF) dan *Employers Insurance Scheme* (EIS)** bagi mengelakkan penyalahgunaan dana berkenaan. Maklumat berkenaan akan membantu pekerja yang diberhentikan atau dikenakan potongan gaji untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap majikan.

5) Banyak perniagaan memutuskan untuk melaksanakan **pemotongan kos** seperti **pemberhentian pekerja** dan **penjualan aset**. Tindakan ini bertentangan dengan matlamat Kerajaan kerana ini akan menyebabkan **pemulihan ekonomi negara perlahan**.

6) Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan secara berfasa bermula 18 Mac memberi **kesan peningkatan pemintaan** mendadak untuk barangan melalui **pelantar atas talian melalui MyGroser**. Oleh itu, MyGroser merancang dengan pelabur swasta, penyedia modal dan beberapa bank untuk meraih **RM20 hingga RM30 juta** untuk mengembangkan perniagaan.

7) **InvestKL** berjaya menarik **91 MNC** dengan pelaburan mencecah **RM13.95 bilion**, termasuk mewujudkan **12,584 peluang pekerjaan** berkemahiran tinggi serantau dalam tempoh 2011-2019.

8) Malaysia mengikat kontrak untuk **mengimport 100,000 tan beras** dari India untuk penghantaran bulan ini dan seterusnya. Secara purata, Malaysia membeli sekitar **53,000 tan setahun** dari India dalam lima tahun terakhir.

9) **Peruncit dan aktiviti perniagaan** lain disaran mengkaji strategi baharu selari dengan normal baru selepas PKP dan penularan COVID-19 bagi memenuhi **permintaan pengguna domestik** dan **antarabangsa**.

10) Hasil kajian mendapati syarikat Amerika Syarikat di Malaysia telah mengalami **impak teruk dalam kewangan** beberapa bulan yang lepas. 82 peratustelah **melaporkan kerugian besar** dengan satu per tiga daripada responden menghadapi kerugian **melebihi RM10 juta untuk setiap dua minggu** di mana aktiviti perniagaan disekat. Hampir separuh daripada responden adalah daripada **sektor elektrikal & elektronik** dan **industri semikonduktor**.

11) Jualan asing ekuiti tempatan melonjak minggu lalu kepada **RM843.2 juta daripada RM774.1** juta pada minggu sebelumnya. Malaysia kekal sebagai **negara ketiga terkecil dalam aliran keluar asing** selepas Indonesia dan Filipina.

12) Kerajaan kini **membenarkan agensi pelancongan memulakan operasi**, tetapi **terhad kepada urusan pentadbiran, kewangan dan penjualan**. Agensi ini boleh menyediakan senarai pakej pelancongan sebagai persediaan apabila kerajaan membenarkan semula aktiviti pelancongan selepas tempoh PKPB.

13) Data terkini daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air (SPAN) yang menunjukkan **penggunaan per kapita di Semenanjung Malaysia dan Labuan telah meningkat kepada 230 liter per kapita sehari** (LCD) tahun lalu, meningkat daripada 226 liter (LCD) pada tahun 2018 dan 222 LCD tahun 2017.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge Markets** | **COVID-19 impact could cost global economy US$8.8 tril – ADB**<br><br>The global economy could suffer between US$5.8 trillion and US$8.8 trillion in losses, equivalent to 6.4 percent to 9.7 percent of global Gross Domestic Product as a result of COVID-19, according to a new report released by the Asian Development Bank (ADB).<br><br>The Updated Assessment of the Potential Economic Impact of COVID-19 report discovered that economic losses in Asia and the Pacific could range from US$1.7 trillion under a short containment scenario of three months to US$2.5 trillion under a long containment scenario of six months, with the region accounting for about 30 percent of the overall decline in global output. | https://www.theedgemarkets.com/article/covid19-impact-could-cost-global-economy-us88-tril-adb |
| 2. | **Bernama** | **Agensi pelancongan dibenar beroperasi dalam tempoh PKPB - Ismail Sabri**<br><br>Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata kebenaran pengoperasian agensi pelancongan hanya untuk tujuan pentadbiran, kewangan, pengurusan dan penjualan sahaja. | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1842256 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | "Mereka juga boleh menyediakan pakej-pakej pelancongan sebagai persediaan pada masa hadapan sekiranya kerajaan membenarkan aktiviti pelancongan dimulakan. Setakat hari ini, aktiviti pelancongan masih dalam senarai terlarang," katanya dalam sidang media harian PKPB. | |
| 3. | **Berita Harian** | **Melaka rangka pakej pulihkan sektor pelancongan**<br><br>Ketua Menteri, Datuk Sulaiman Md Ali, berkata usaha itu penting kerana sektor pelancongan adalah antara penyumbang utama ekonomi negeri, dan mempunyai jumlah pemain industri cukup besar daripada pelbagai subsektor.<br><br>"Ia juga mengambil masa agak lama untuk pulih, tetapi kerajaan negeri dan pusat akan berusaha melakukan sesuatu agar impaknya dapat dikurangkan, dan industri pelancongan negeri dapat pulih seperti dahulu," katanya kepada pemberita selepas Program Penyerahan Kit Makanan di sini, hari ini. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689620/melaka-rangka-pakej-pulihkan-sektor-pelancongan |
| 4. | **Bernama** | **Pewujudan kerja perlu jadi keutamaan dalam pelan pemulihan ekonomi**<br><br>Usaha menyediakan pekerjaan untuk lebih daripada setengah juta rakyat Malaysia yang menganggur perlu dijadikan | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1842424 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | keutamaan dalam pelan pemulihan ekonomi yang bakal dilancarkan oleh kerajaan tidak lama lagi.<br><br>Hakikatnya, ianya sesuatu yang membimbangkan apabila Jabatan Perangkaan mendedahkan bahawa lebih 600,000 orang menganggur setakat Mac lepas berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). | |
| 5. | **Malay Mail** | **Domestic factories able to produce five million PPEs now, say manufacturers**<br><br>Malaysian Plastics Manufacturers Association (MPMA) president Datuk Lim Kok Boon said the national manufacturing sector takes pride in its ability to support the nation in the battle against the Covid-19 pandemic.<br><br>“The sector has demonstrated that we have the agility to expand our capacity further and adapt in a critical stage,” he said in a statement. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/18/domestic-factories-able-to-produce-five-million-ppes-now-say-manufacturers/1867288 |

Penemuan penting & isu:

1. Menurut Pengarah Urusan DHL Express Malaysia dan Brunei, berdasarkan kaji selidik terkini, rakyat Malaysia sedang beralih ke arah perbelanjaan dalam talian. Oleh itu, peruncit tempatan dan perniagaan lain perlu menyesuaikan strategi bagi pengembangan domestik dan antarabangsa di bawah fasa "norma baharu", terutama semasa tempoh PKPB.
2. kerajaan bersetuju membenarkan pejabat agensi pelancongan seluruh negara beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Walau bagaimanapun, aktiviti pelancongan masih tidak dibenarkan beroperasi.
3. Profesor Madya daripada Putra Business School menyatakan bahawa banyak perniagaan memutuskan untuk memulakan latihan pemotongan kos seperti pemberhentian pekerja dan menjual aset. Tindakan ini bukan

seperti yang diinginkan oleh Kerajaan kerana ini akan menyebabkan pemulihan ekonomi negara perlahan.

4. Menurut Presiden Persatuan Pengilang Plastik Malaysia (MPMA), susulan jangkitan wabak COVID 19 pada bulan lalu, jumlah PPE utama yang diperlukan adalah tiga (3) juta keping. Oleh itu, sektor pembuatan Malaysia telah meningkatkan usaha pengeluarannya dan kini dapat menghasilkan sehingga lima (5) juta keping alat pelindung diri (PPE) malahan dapat meningkatkan outputnya.

Maklumbalas Bahagian:

1. Dengan permintaan untuk perniagaan dalam talian sedang meningkat disebabkan pandemik wabak COVID-19, peruncit perlu menyesuaikan strategi kepada dunia digital bagi mengembangkan perniagaan dan kelangsungan hidup. Ini secara langsung akan meningkatkan prestasi subsektor perkhidmatan perdagangan runcit. Pada ST1 2020, subsektor perkhidmatan perdagangan runcit menyumbang 7.8 peratus kepada KDNK Malaysia dengan pertumbuhan 3.4 peratus berbanding 5.9 peratus pada ST4 2019.
2. Pembukaan semula operasi pejabat agensi pelancongan akan dapat meneruskan kelangsungan perniagaan dan memulihkan prestasi industri pelancongan yang terjejas teruk akibat penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan PKP. Pada tahun 2018, sumbangan nilai ditambah kasar industri pelancongan (NDKIP) kepada KDNK adalah 15.2 peratus berbanding 14.6 peratus pada tahun 2017. Perkhidmatan agensi pelancongan dan penempahan lain menyumbang 4.4 peratus (RM3.9 bilion) ke atas perbelanjaan pelancongan inbound dan 1.7 peratus (RM1.4 bilion) ke atas perbelanjaan pelancongan domestik.
3. Permintaan alat pelindung diri (PPE) yang tinggi susulan penularan wabak COVID-19 akan memberi impak positif kepada sektor pembuatan terutamanya industri pembuatan produk plastik dan secara keseluruhan kepada prestasi ekonomi negara. Industri pembuatan produk plastik mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.8 peratus pada tahun 2019 berbanding 4.1 peratus pada tahun 2018.

| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **The Edge Markets** | **Retailers should adjust strategies for local, international expansion - DHL Malaysia MD**<br><br>Local retailers and other businesses should adjust their strategies to prepare for | https://www.theedgemarkets.com/article/retailers-should-adjust-strategies-local-international-expansion-dhl-malaysia-md |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | domestic and international expansion under this "new normal" phase, particularly during the Conditional Movement Control Order period.<br><br>Based on a recent survey, Malaysians were indeed shifting towards spending more online instead of the traditional way. | |
| 2. | **The Edge Markets** | **Retailers increasing chicken price better watch out — KPDNHEP**<br><br>The Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) has activated operations to track down chicken retailers who increase the price of chicken. The ministry received numerous reports on chicken price hike, up to RM9.60 per kilogramme, in several locations including Terengganu. | https://www.theedgemarkets.com/article/retailers-increasing-chicken-price-better-watch-out-%E2%80%94-kpdnhep |
| 3. | **Malay Mail** | **Sufficient supply of essential goods for Aidilfitri, says deputy minister**<br><br>The Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) today assured the people there is adequate supply of essential goods for Aidilfitri.<br><br>The ministry constantly monitoring the matter. Currently, the supply of raw materials for Aidilfitri including chicken, beef, eggs and | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/16/sufficient-supply-of-essential-goods-for-aidilfitri-says-deputy-minister/1866814 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | coconut are sufficient and the public need not worry. | |
| 4. | **Berita Harian** | **Tesco terus beri sokongan padu kepada PKS**<br><br>Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd menawarkan sokongan tambahan kepada pembekal perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sempena bulan Ramadan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.<br><br>Tesco telah lama menjadi penyokong PKS dan jenama tempatan yang sudah dibuktikan berulang kali melalui promosi berterusan yang dibuat syarikat untuk produk buatan tempatan di cawangan pasar raya itu. Sekitar 80 peratus produk Tesco Own Brand dihasilkan oleh PKS tempatan. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/05/689912/tesco-terus-beri-sokongan-padu-kepada-pks |
| 5. | **Berita Harian** | **COVID-19 lonjak penggunaan e-dagang**<br><br>Pelaksanaan PKP bagi mengawal penularan wabak COVID-19 menyaksikan peralihan trend pengguna yang mendorong perniagaan untuk meneroka strategi baharu bagi berinteraksi dengan pengguna dan memudahkan proses urus niaga.<br>Perkara itu bukan hanya menyebabkan penerapan e-dagang yang kuat dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan, malah mewujudkan segmen | https://www.bharian.com.my/bisnes/teknologi/2020/05/689812/COVID-19-lonjak-penggunaan-e-dagang |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | pasaran baharu untuk industri berkenaan.<br><br>Pada tahun lalu, hampir tiada yang menjual dan membeli hasil segar seperti ikan, ayam, daging lembu dan juga durian di platform e-dagang. Namun, pada April sahaja, kira-kira 1,000 penjual hasil segar dan beku, termasuk petani dan nelayan, mula menjual di Shopee. | |
| 6. | **The Sun Daily** | **Petrol dealers don't expect sales to return to pre-COVID-19 levels**<br><br>Oil and gas sector is the one business that is likely to suffer permanent setback as a result of the COVID-19 pandemic.<br><br>With more people working from home, there will be a drop in the daily commute to the office and, by extension, fewer cars on the road. This means the demand for petrol, diesel and gas will drop. | https://www.thesundaily.my/local/petrol-dealers-don-t-expect-sales-to-return-to-pre-COVID-19-levels-LF2421184 |
| 7. | **Bernama** | **iMotorbike introduces credit campaign to help motorcycle dealers**<br><br>iMotorbike Malaysia, Malaysia's information news source and online ads on the motorcycle industry, has introduced a credit campaign to help further ease the motorcycle dealers' sales impacted by the restricted movement control order (MCO). | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1841728 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 8. | **Malaysia Kini** | **Pos Malaysia: Tiada bonus tapi tiada pembuangan pekerja**<br><br>Pos Malaysia Berhad memberi bayangan ketiadaan pembayaran bonus untuk kakitangannya tahun ini susulan masalah kewangan yang dihadapi akibat penularan wabak COVID-19.<br><br>Pihak pengurusan ketika ini sebaik mungkin sedang cuba memperimbangkan keadaan aliran tunai atau "cash flow". | https://www.malaysiakini.com/news/526213?utm_source=dlvr.it&utm_medium=facebook |

Penemuan penting & isu:

1. Peruncit dan aktiviti perniagaan lain disaran mengkaji strategi baharu selari dengan normal baru selepas PKP dan penularan COVID-19 bagi memenuhi permintaan pengguna domestik dan antarabangsa.
2. KPDNHEP akan melakukan pemantauan harga dan akan mengambil tindakan keatas peniaga barang keperluan harian seperti ayam mentah yang menaikkan harga sewenang-wenangnya sempena perayaan Aidilfitri.
3. KPDNHEP akan memastikan bekalan makanan adalah mencukupi sepanjang tempoh persiapan menjelang perayaan Aidilfitri.
4. Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd menawarkan sokongan tambahan kepada pembekal perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sempena bulan Ramadan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.
5. Peralihan trend pengguna terhadap pembelian secara online mendorong peniaga meneroka strategi baharu perniagaan akibat pelaksanaan PKP kesan penularan wabak COVID-19.
6. Sektor minyak dan gas yang dijangka akan mengalami kejatuhan berikutan penurunan perjalanan harian ke pejabat kerana kebanyakan pekerja disaran bekerja dari rumah.
7. iMotorbike memperkenalkan kempen kredit untuk membantu pengedar motosikal iMotorbike di Malaysia.
8. Pos Malaysia tidak akan membuang pekerja mereka walaupun berdepan dengan situasi sukar. Bagaimanapun, tiada bonus diperuntukkan kepada semua kakitangannya pada tahun ini.

Maklumbalas Bahagian:

1. KPDNHEP memberi jaminan harga dan bekalan makanan asas sepanjang tempoh perayaan Aidilfitri akan dipastikan mencukupi dan juga harga yang ditawarkan adalah seperti yang telah ditetapkan. Ini secara tidak langsung akan memberi kesan positif kepada sektor perdagangan Borong & Runcit.
2. *Trend* pembelian barangan keperluan secara atas talian sepanjang tempoh PKP secara tidak langsung meningkatkan nilai jualan Sektor Perdagangan Borong & Runcit.
3. Penurunan permintaan terhadap minyak, diesel dan gas akan memberi kesan negatif terhadap industri Perdagangan Borong & Runcit terutamanya bagi industri Jualan borong dan runcit petrol, diesel, pelincir.

| **C.** | **Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star**<br>**16 Mei 2020** | **M'sia signs record rice import deal with India**<br><br>Malaysia has contracted to import a record 100,000 tonnes of rice from India for shipment this month and next, four industry officials told Reuters, in a further sign of improving trade relations between the countries after a diplomatic spat.<br><br>The first such purchase this year is already nearly twice the average annual volume of rice Malaysia has imported from India in the last five years, as rival suppliers such as Myanmar, Vietnam and Cambodia placed temporary curbs on exports to save the grain for themselves during the coronavirus crisis.<br><br>Malaysia's purchases would help trim rice stockpiles in India, the world's biggest exporter of the commodity. "After a long time, Malaysia is | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/05/16/msia-signs-record-rice-import-deal-with-india |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | making substantial purchases from India," B.V. Krishna Rao, president of India's Rice Exporters Association, told Reuters. | |
| 2. | **The Star**<br>**16 Mei 2020** | **Oil prices jump as demand shows signs of picking up**<br><br>U.S. crude prices jumped 7% on Friday to their highest since March, on strengthening fuel demand as countries around the world eased travel restrictions they had imposed to curb the spread of the coronavirus.<br><br>U.S. crude gained 19.7% in the week and Brent crude rose 5.2% after a week of bullish news. Both contracts gained for the third consecutive week.<br><br>West Texas Intermediate (WTI) oil settled up US$1.87, or 6.8% at $29.43 a barrel, just off the session peak of $29.92, its highest since mid-March. WTI soared 9% in the previous session.<br><br>Brent crude settled up $1.37, or 4.4% a barrel at $32.50. Brent rose nearly 7% on Thursday. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/05/16/oil-prices-jump-as-demand-shows-signs-of-picking-up |
| 3. | **The Star**<br>**16 Mei 2020** | **Westports to focus on digitization**<br><br>If there is a benefit of the coronavirus (Covid-19) pandemic amidst its onslaught on global economies, businesses will agree that it forces the adoption of fourth | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1841551 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | industrial revolution (IR4.0) measures upon them.<br><br>The unprecedented pandemic has brought about a change in work operations from what was previously deemed unconventional to what will now be the new norm.<br><br>This has also driven companies to digitise their businesses as much as they can to enjoy a smoother ride on the wave of economic rebound, which experts believe to be by next year.<br><br>Case in point, accelerating innovation projects is on the forefront of Westports Holdings Bhd's focus during the pandemic. | |
| 4. | **The Star**<br>**16 Mei 2020** | **Flying start for durians in Penang**<br><br>Despite the Covid-19 pandemic, durian traders are enjoying a brisk business.<br><br>Durian Rumah Batu orchard owner Tan Hock Hoe, 42, said business had been good so far as Thai durians were not allowed to be imported this year.<br><br>"Previously, there were many durian sellers who imported the fruits from Thailand but claimed they were from Balik Pulau.<br><br>"Since no durian are coming in from Thailand now, Balik Pulau | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/05/16/flying-start-for-durians-in-penang |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | is the destination for the people to get their cravings fixed leading to the price of some varieties going up.<br><br>“The price of Musang King, Red Prawn and 604 has been stable this year. | |
| 5. | **Mothership**<br>**17 Mei 2020** | **Import prices of fresh chicken up 50% due to reduced M'sia poultry export**<br><br>Many poultry farms in Malaysia have cut down on its chicken export supply due to the country's lockdown.<br><br>Even as the Malaysian government has gradually loosened the restriction measures, the supply has yet to recover fully and this has resulted in an imbalance in the supply and demand, causing import prices in Singapore to increase, Shin Min Daily News reported.<br><br>According to The Poultry Merchants' Association Singapore, the price of one fresh chicken costs about RM3.70 (about S$1.20) two weeks ago. | https://mothership.sg/2020/05/fresh-chicken-price-increase/ |
| 6. | **Berita Harian**<br>**18 Mei 2020** | **COVID-19: Firma AS, Malaysia kerjasama keluarkan ventilator**<br><br>Syarikat dari Amerika Syarikat (AS), Arzon Solar LLC (ARZ) memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan tiga syarikat senaraian awam | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/05/690373/covid-19-firma-malaysia-kerjasama-keluarkan-ventilator |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Malaysia bagi menghasilkan alat bantuan pernafasan atau ventilator perubatan untuk pasaran global.<br><br>Permintaan vertilator dianggarkan mencecah AS$3.02 bilion (RM13.1 bilion) dalam tempoh tujuh tahun akan datang. | |

Penemuan penting & isu:

1. Malaysia mengikat kontrak untuk mengimport 100,000 tan beras dari India untuk penghantaran bulan ini dan seterusnya. Secara purata, Malaysia membeli sekitar 53,000 tan setahun dari India dalam lima tahun terakhir. Jumlah eksport ke Malaysia mencatat 86,292 tan tahun lalu. India kini menawarkan beras putih sekitar AS$ 390-400 (RM1,696-1,740) satu tan berbanding dengan lebih AS$ 450 untuk negara lain. Sekatan yang dikenakan ke atas eksport oleh Myanmar, Vietnam dan Kemboja mendorong pengimport beras Malaysia untuk mendapatkan bekalan dari India.
2. Harga minyak AS melonjak 7% kepada AS $29.43 setong (WTI) dan AS $32.50 setong (Brent) pada hari Jumaat ke paras tertinggi sejak bulan Mac berikutan peningkatan permintaan bahan bakar susulan negara-negara di seluruh dunia melonggarkan sekatan perjalanan yang telah ditetapkan untuk mengekang penyebaran Covid-19. Organisasi Negara Pengeksport Petroleum dan pengeluar utama lain telah memotong bekalan dan menunjukkan tanda-tanda peningkatan permintaan. Penggunaan minyak mentah harian China pulih pada April apabila kilang penapisan meningkatkan operasi.
3. Kelembapan ekonomi dunia yang mengganggu rantaian bekalan global dan aktiviti perdagangan memberi peluang kepada pengendali pelabuhan, Westports Holdings Bhd untuk meningkatkan operasi dan melatih pekerjanya. Banyak projek inovasi yang telah diatur dan menunggu masa untuk dilaksanakan. Jawatan baru akan diwujudkan dengan inovasi dan melatih semula semua pekerja semasa krisis ini. Projek inovasi tersebut meliputi pendigitalan terminal konvensional Westport, kawalan penyimpanan jarak jauh dan juga menggunakan sistem *global positioning system* (GPS) untuk memantau penghantaran barang oleh trak dalaman dan luaran.
4. Susulan penutupan sempadan Malaysia-Thailand bagi membendung penularan Covid-19, import durian dari Thailand telah dihentikan. Peniaga durian di Balik Pulau, Pulau Pinang dapat menikmati perniagaan yang lebih menguntungkan kerana permintaan yang tinggi terhadap durian dan menyebabkan peningkatan harga bagi jenis tertentu. Peniaga melaporkan harga Musang King, Red Prawn dan 604 stabil pada tahun ini.

5. Walaupun Malaysia secara beransur-ansur melonggarkan langkah kawalan pergerakan Covid-19, bekalan ayam segar ke Singapura masih belum pulih sepenuhnya dan menyebabkan harga import di Singapura meningkat. Menurut The Poultry Merchants 'Association Singapura, harga seekor ayam segar berharga sekitar RM3.70 (kira-kira S$ 1.20) dua minggu yang lalu tetapi telah meningkat menjadi RM5.60 (sekitar S $ 1.80) tidak termasuk kos tambahan lain seperti kos pengangkutan dan bayaran khas. Permintaan domestik di Malaysia juga lebih tinggi menjelang Hari Raya Puasa.
6. Syarikat dari Amerika Syarikat (AS), Arzon Solar LLC (ARZ) memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan tiga syarikat Malaysia iaitu Sanichi Technology Bhd (Sanichi), AT Systematization Bhd (ATS) dan PNE PCB Bhd (PNEPCB) bagi menghasilkan alat bantuan pernafasan atau ventilator perubatan untuk pasaran penjagaan kesihatan tempatan dan luar negara. Permintaan vertilator dianggarkan mencecah AS$3.02 bilion (RM13.1 bilion) dalam tempoh tujuh tahun akan datang.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bagi tempoh Januari hingga Mac 2020 berasaskan tahun ke tahun, **import beras** HS 1006 (0.3% daripada jumlah import) meningkat RM114.7 juta (+27.7%) kepada RM528.1 juta. Sumber import utama dalam tempoh tersebut adalah dari Vietnam (RM245.2 juta, 46.4%), India (RM88.7 juta, 16.8%) dan Thailand (RM61.9 juta, 11.7%).
2. Bagi tempoh Januari hingga Mac 2020 berasaskan tahun ke tahun**, eksport petroleum mentah** HS 2709 (2.9% daripada jumlah eksport) jatuh RM593.0 juta (-8.8%) kepada RM6.2 bilion. **Eksport keluaran petroleum bertapis** HS 2710 (9.0% daripada jumlah eksport) meningkat RM5.3 bilion (+43.0%) kepada RM17.6 bilion. Destinasi utama petroleum mentah adalah ke Australia dengan nilai eksport mencecah RM2.4 bilion (36.0%) manakala destinasi utama keluaran petroleum bertapis adalah ke Singapura dengan nilai eksport bernilai RM6.4 bilion (36.5%).
3. Bagi tempoh Januari hingga Mac 2020 berasaskan tahun ke tahun, aktiviti perdagangan di **Pelabuhan Klang** mencatatkan peningkatan nilai eksport kepada RM41.4 bilion (+RM67.8 juta, +0.2%) manakala import mencatatkan penurunan kepada RM52.3 bilion (-RM1.1 bilion, -2.1%).
4. Bagi tempoh Januari hingga Mac 2020 berasaskan tahun ke tahun, **import durian segar** HS 08106 jatuh RM190.5 ribu (-44.0%) kepada RM242.9 ribu, manakala **eksport durian segar** jatuh RM5.4 juta (-32.9%) kepada RM11.0 juta. Penurunan import daripada Thailand sebanyak RM181.4 ribu (-43.2%). Manakala penurunan eksport terutamanya ke Hong Kong (-RM3.0 juta, -52.4%), AS (-RM1.8 juta, -97.1%) dan China (-RM557.6 ribu, -92.6%).
5. Bagi tempoh Januari hingga Mac 2020 berasaskan tahun ke tahun, **eksport ayam segar** HS 020713 jatuh RM508.1 ribu (-33.1%) kepada RM1.0 juta

terutamanya penurunan eksport ayam segar ke Singapura sebanyak RM578.3 ribu (-38.4%).

6. Nilai import **ventilator perubatan** (HS 901920) pada tahun 2019 ialah RM95.4 juta. Sumber utama import ialah dari China (RM22.6 juta, 23.7%), Amerika Syarikat (RM18.3 juta, 19.2%) dan Singapura (RM15.8 juta, 16.5%). Pada bulan Mac 2020, import ventilator perubatan meningkat RM6.1 juta atau 75.0% kepada RM14.2 juta tahun ke tahun. Manakala, nilai eksport ventilator perubatan ialah RM261.3 juta. Malaysia mengeksport ventilator perubatan ke Singapura (RM94.6 juta, 36.2%), Amerika Syarikat (RM58.3 juta, 22.3%) dan Jerman (RM30.6 juta, 11.7%). Pada bulan Mac 2020, eksport ventilator perubatan meningkat RM1.8 juta atau 7.6% kepada RM25.2 juta tahun ke tahun.
7. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

| **D.** | **Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge Markets** | **Companies cautious about reopening**<br><br>Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) president Datuk Soh Thian Lai also called for a clear guideline on the allowed disinfection and sanitisation service, including a price guide. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/05/17/companies-cautious-about-reopening |
| 2. | **The Star** | **Help our frontliners stay healthy**<br><br>Manufacturer of astaxanthin in Malaysia, Optixanthin Sdn Bhd, has teamed up with TheStar.com.my news portal to step up the fight against the Covid-19 pandemic. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/05/17/help-our-frontliners-stay-healthy |
| 3. | **Astro Awani** | **KPDNHEP pantau 800 pusat jualan di Sarawak sepanjang musim perayaan**<br><br>Menurut Pengerusi Jawatankuasa Rantaian Kecil Bekalan Makanan Sarawak, Datuk Amar Awang Tengah Ali | http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdnhep-pantau-800-pusat-jualan-di-sarawak-sepanjang-musim-perayaan-243321 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Hasan, selain sektor peruncitan, sektor pembinaan turut dipantau bagi memastikan bekalan pasaran adalah mencukupi. | |
| 4. | **Berita Harian** | **PKPB Satu Lagi Tapak Pembinaan Diarah Tutup**<br><br>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) melakukan pemeriksaan ke atas 120 tapak pembinaan kelmarin, dalam memastikan syarikat pembinaan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).<br><br>Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata Bilik Gerakan CIDB melaporkan satu tapak binaan diarah tutup manakala lapan lagi gagal mematuhi SOP. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/690298/pkpb-satu-lagi-tapak-binaan-diarah-tutup |
| 5. | **The Edge Markets** | **Malaysian factories able to produce five mil pieces of key PPEs a month**<br><br>Malaysian manufacturers have boosted production of certain types of key Personal Protective Equipment (PPEs) to five million pieces a month and can ramp up capacity further. | https://www.theedgemarkets.com/article/malaysian-factories-able-produce-five-mil-pieces-key-ppes-month |

Penemuan penting & isu:

1. *There is a wide range of disinfection and sanitisation services in the market and businesses may lack the technical awareness of the appropriate ones to engage and the government should come up with a guideline on the chemical content and introduce a ceiling price for some of these services to prevent profiteering and help businesses make better informed decisions.*
2. *Opti-B is specially created for the Covid-19 pandemic with two main active ingredients, astaxanthin and kelulut honey.*

3. Timbalan Ketua Menteri Sarawak menggesa pembekal bahan binaan untuk meningkatkan kapasiti produk bagi menampung keperluan projek pembinaan yang sedang berlangsung.
4. Sehingga 18 Mei sebanyak 4,183 tapak binaan diperiksa keseluruhannya, yang mana 425 tapak mematuhi SOP manakala 150 tapak tidak patuh SOP dan diberi amaran.
5. *In April 2020, where Covid-19 virus infections were at the peak, the number of key PPEs required was about three million pieces, including isolation gowns, boot covers, jumpsuits, head covers, face shields and aprons.*

Maklumbalas Bahagian:

1. BPPIB mengambil maklum terdapat pertubuhan yang masih ragu-ragu untuk kembali beroperasi sepenuhnya disebabkan kebimbangan terhadap kos tambahan bagi membasmi virus di premis mereka sekiranya kakitangan mereka terkena infeksi COVID-19.
2. Bahagian mengambil maklum terdapat pertubuhan di Malaysia yang mengeluarkan produk Opti-B yang mengandungi Astaxanthin sebagai supplemen tambahan dalam rawatan COVID-19.
3. BPPIB mengambil maklum berkenaan kontraktor yang harus mematuhi garis panduan ketat dalam langkah berjaga-jaga dan pergerakan kesihatan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan.
4. *BPPIB acknowledged that Fibertex Personal Care Sdn Bhd, which has been made the principal supplier of non-woven materials, would allocate 10 million square metres a month for PPEs and San Miguel Yamamura Woven Products Sdn Bhd would allocate coating capacity for 3.5 million square metres a month. These capacities are sufficient to produce five million pieces of PPEs for the Health Ministry as well as other private healthcare institutions in Malaysia*

| **E.** | **Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Sun Daily** | **American firms report significant losses, likely to revise investment in Malaysia**<br><br>US companies in Malaysia have taken heavy financial hits over the past few months as 82% have reported significant losses, and around one third of respondents have been incurring losses of more than RM10 million for every two weeks that restrictions on | https://www.thesundaily.my/business/american-firms-report-significant-losses-likely-to-revise-investment-in-malaysia-MX2415538 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | business activity have been in place, according to a survey by the American Malaysian Chamber of Commerce (Amcham).<br><br>A considerable number of respondents (16%) are heavily invested multinational corporations that have reported losses in excess of RM500 million since the movement control order (MCO) was put in place. The survey was conducted between April 17-24, in the fifth week of Malaysia's measure to manage the Covid-19 outbreak and at the beginning of the MCO Phase 3.<br><br>A total of 114 respondents took part in the survey during the third phase of the MCO and almost half of the respondents are based in the electrical & electronics and semiconductor industries. | |
| 2. | **The Star** | **Bank di pusat kewangan Asia tingkat penggunaan digital**<br><br>Bank di pusat kewangan Asia seperti HSBC Holdings Plc dan Citigroup Inc mendapati gangguan daripada wabak Covid-19 membantu mereka menangani ancaman pesaing generasi baharu. Memandangkan ada cawangan ditutup, penjarakan sosial oleh pelanggan dan kebimbangan wang tunai tercemar, syarikat gergasi perbankan tersebut melihat terdapat lonjakan | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/689908/bank-di-pusat-kewangan-asia-tingkat-penggunaan-digital |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | permintaan untuk perkhidmatan digital.<br><br>Kebanyakan bank menggunakan krisis ini sebagai peluang untuk mengukuhkan strategi perniagaan mereka seperti melancarkan perkhidmatan video dan ciri mudah alih baharu bagi membantu para pelanggannya mengadaptasi saluran digital, sekali gus mempercepatkan transformasi meningkatkan kesetiaan pelanggan dan mengurangkan kos. Secara keseluruhan di Asia, transaksi broker digital dan dana bersama melonjak lebih daripada 70 peratus pada bulan Mac dari Januari. | |
| 3. | **The Sun Daily** | **International investors sold RM843.2m on Bursa last week**<br><br>Selling activity among foreign investors increased last week to RM843.2 million net of local equities compared to RM774.1 million disposed in the week before. In comparison to its other six Asian peers, Malaysia remains as the nation with the third smallest foreign net outflow on a year-to-date basis after Indonesia and the Philippines.<br><br>Foreign investors have so far taken out RM11.9 billion net of local equities from Malaysia based on MIDF weekly fund flow report today. | https://www.thesundaily.my/business/international-investors-sold-rm8432m-on-bursa-last-week-JF2421380 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **Berita Harian** | **Bursa Malaysia dibuka lebih tinggi, naik 6.62 mata**<br><br>Bursa Malaysia memulakan minggu ini dengan sentimen positif seiring dengan prestasi di Wall Street yang ditutup tinggi pada Jumaat minggu lalu di tengah-tengah pemulihan harga minyak mentah. Pada 9.05 pagi, petunjuk pasaran FTSE Bursa Malaysia KCLI (FBM KLCI) meningkat 6.62 mata atau 0.47 peratus kepada 1,410.06 daripada 1,403.44 pada Jumaat minggu lepas.<br><br>Indeks itu dibuka 5.95 mata lebih tinggi kepada 1,409.39. Suasana pasaran positif dengan kaunter untung mengatasi kaunter rugi sebanyak 334 berbanding 113, manakala 241 kaunter tidak berubah, 1,187 tidak diniagakan dan 17 yang lain digantung. Jumlah dagangan berjumlah 906.87 juta bernilai RM240.18 juta. | https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/05/690110/bursa-malaysia-dibuka-lebih-tinggi-naik-662-mata |
| 5. | **Berita Harian** | **InvestKL tarik pelaburan RM13.95 bilion**<br><br>Malaysia terus menjadi destinasi pelaburan terpenting syarikat multinasional global (MNC) dan berjaya mewujudkan peluang pekerjaan sejak 2011. Ini terbukti selepas InvestKL berjaya menarik 91 MNC dengan pelaburan komited dan diluluskan mencecah RM13.95 bilion, termasuk mewujudkan 12,584 peluang pekerjaan | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/690200/investkl-tarik-pelaburan-rm1395-bilion |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | berkemahiran tinggi serantau dalam tempoh 2011-2019.<br><br>Pencapaian itu selaras dengan 91 peratus mandat InvestKL 2020 dan agensi itu optimistik dalam berhati-hati untuk mencapai sasaran 100 MNC menjelang akhir tahun. Dalam tempoh lapan tahun dari 2011-2019, 58 peratus daripada pelaburan RM13.95 bilion sudah direalisasikan, di mana 70 peratus daripada 12,584 pekerja berkemahiran tinggi serantau sudah diambil bekerja dengan purata pendapatan tahunan mencecah RM141,622.<br><br>Agensi yang mempromosi pelaburan milik kerajaan sudah menarik 13 MNC serta berteknologi tinggi tahun lalu dan memberi sumbangan terhadap sektor perkhidmatan yang terus menjadi tonggak pertumbuhan ekonomi Malaysia. | |

Penemuan penting & isu:

1. Hasil kajian mendapati syarikat Amerika Syarikat di Malaysia telah mengalami impak teruk dalam kewangan beberapa bulan yang lepas. 82% telah melaporkan kerugian besar dengan satu per tiga daripada responden menghadapi kerugian melebihi RM10 juta untuk setiap dua minggu di mana aktiviti perniagaan disekatkan. Hampir separuh daripada responden adalah daripada sektor elektrikal & elektronik dan industri semikonduktor.
2. Bank di pusat kewangan Asia mendapati impak wabak Covid-19 membantu mereka menangani ancaman pesaing generasi baharu dan melihat terdapat lonjakan permintaan untuk perkhidmatan digital. Ini dilihat sebagai satu peluang bagi mengukuhkan strategi perniagaan serta membantu para pelanggannya mengadaptasi saluran digital, sekali gus mempercepatkan transformasi meningkatkan kesetiaan pelanggan dan mengurangkan kos.
3. Jualan asing ekuiti tempatan melonjak minggu lalu kepada RM843.2 juta daripada RM774.1 juta pada minggu sebelumnya. Malaysia

kekal sebagai negara ketiga terkecil dalam aliran keluar asing selepas Indonesia dan Filipina.

4. Pada 9.05 pagi, FBM KLCI Bursa Malaysia meningkat 6.62 mata atau 0.47 peratus kepada 1,410.06 daripada 1,403.44 pada Jumaat minggu lepas dengan sentimen positif seiring dengan prestasi di Wall Street yang ditutup tinggi pada Jumaat minggu lalu di tengah-tengah pemulihan harga minyak mentah.
5. Malaysia terus menjadi destinasi pelaburan terpenting MNC dan berjaya mewujudkan peluang pekerjaan sejak 2011. InvestKL berjaya menarik 91 MNC dengan pelaburan komited dan diluluskan sebanyak RM13.95 bilion, termasuk mewujudkan 12,584 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi serantau dalam tempoh 2011-2019.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kerugian besar yang dilaporkan oleh syarikat-syarikat Amerika Syarikat berkemungkinan mempengaruhi pelaburan langsung asing di Malaysia (FDI) dan menjejaskan penyusunan statistik Akaun Kewangan. Pada suku tahun pertama 2020, FDI telah mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM6.4 bilion.
2. Penjualan ekuiti tempatan oleh pelabur asing dan prestasi pasaran saham Malaysia bakal dilihat kesannya dalam penyusunan statistik Akaun Kewangan terutamanya dalam komponen pelaburan portfolio. Pada suku tahun pertama 2020, Akaun Kewangan telah mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM13.3 bilion.
3. Situasi di mana Malaysia yang menjadi tumpuan destinasi pelaburan terpenting MNC akan mempengaruhi Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia. Pada suku tahun pertama 2020, Pelaburan Langsung Asing merekodkan aliran masuk bersih sebanyak RM6.4 bilion.

| **F.** | **Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge**<br>16 May 2020 | **A washout year for tourism**<br><br>The hospitality industry was banking on a phenomenal year for Visit Malaysia Year 2020 (VMY2020). But when the World Health Organisation declared Covid-19 a pandemic and countries started closing their borders, all hope of a successful year were dashed. | https://www.theedgemarkets.com/article/washout-year-tourism |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | This year's arrival target was a record 30 million tourists and RM100 billion in foreign exchange.<br><br>The Minister of Tourism, Arts and Culture has cancelled VMY2020 and the strategy moving forward is to focus on promoting Malaysia's domestic tourism to revive the sector.<br><br>Meanwhile, the hospitality industry is reinventing itself to survive. Tour and travel agents want to use their tour vans that are lying idle to deliver courier while accommodation providers like Airbnb have launched a fund to share the cost of cancellations in bookings. | |
| 2. | **Bernama**<br>16 Mei 2020 | **Nilai pasaran sektor komunikasi, multimedia RM144 bilion**<br><br>Industri Komunikasi dan Multimedia (K&M) Malaysia terbukti mencatat prestasi baik pada 2019 dengan nilai permodalan pasaran keseluruhan mencecah RM144.01 bilion atau 8.4 peratus daripada jumlah permodalan pasaran di Bursa Malaysia.<br><br>Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menyatakan, jumlah itu meliputi RM134.01 bilion yang disumbangkan oleh sektor telekomunikasi, RM7.29 bilion oleh sektor penyiaran, | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1842225 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | manakala RM2.71 bilion daripada sektor pos dan kurier. | |
| 3. | **The Edge**<br>17 May 2020 | **CMCO: Entertainment centres still not allowed to operate — Ismail Sabri**<br><br>Entertainment centres are still not allowed to operate during the Conditional Movement Control Order (CMCO) period. Pubs and nightclubs are placed under entertainment centres and barred from operating throughout the CMCO<br><br>Previously, there were reports of pubs and nightclubs at several locations in the capital having resumed operation. If there are reports, the local authorities will be informed such as the Kuala Lumpur City Hall (DBKL) to shut down these entertainment centres. | https://www.theedgemarkets.com/article/cmco-entertainment-centres-still-not-allowed-operate-%E2%80%94-ismail-sabri |
| 4. | **Astro Awani**<br>17 Mei 2020 | **MyGroser rancang raih RM30 juta untuk kembangkan perniagaan**<br><br>Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan secara berfasa bermula 18 Mac lepas, menyaksikan peningkatan pemintaan secara mendadak untuk barangan melalui pelantar atas talian.<br>MyGroser mampu menghadapi persaingan dalam bidang penjualan melalui pelantar atas talian, serta memastikan ia mampu memenuhi permintaan masyarakat. Di samping itu, sedang dalam perbincangan | https://beta.astroawani.com/berita-bisnes/mygroser-rancang-raih-rm30-juta-untuk-kembangkan-perniagaan-243261 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | dengan pelabur luar untuk meraih sekitar RM20 hingga RM30 juta.<br><br>Merancang untuk menambah nilai perkhidmatan, membuka lokasi baharu, serta menambah rangkaian produk dari 12,000 ke 20,000 jenis dalam tempoh dua belas bulan akan datang. | |
| 5. | **The Star**<br>18 May 2020 | **Automakers resume operations**<br><br>Automakers are seeing a slow start to business under the conditional movement control order (CMCO), as car buyers cautiously adjust to the new normal.<br><br>National carmaker Proton Holdings Bhd, which has resumed operations of all of its 3S (sales, service, spare parts) and 4S (sales, service, spare parts, spray paint) outlets nationwide, said the business environment has been challenging.<br><br>As we adapt to the new normal, we will be introducing many new digital approaches in the business, with the first being the Mercedes-Benz virtual showroom. Customers can now view their desired vehicles from the comfort of their own homes and gear themselves up for an immersive virtual test drive experience. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/05/18/automakers-resume-operations |

Penemuan penting & isu:

1. Industri perhotelan yang dijangka berkembang pada tahun 2020 sempena Tahun Melawat Malaysia 2020 (VMY2020) terjejas kesan daripada penularan wabak COVID-19 di peringkat tempatan dan juga global.

| |
|---|
| VMY2020 menyasarkan jumlah kedatangan pelancong sebanyak 30 juta dan tukaran wang asing berjumlah RM100 bilion. Walaupun VMY2020 telah dibatalkan, inisiatif Kerajaan memberi tumpuan kepada promosi pelancongan domestik Malaysia sebagai strategi untuk menghidupkan kembali sektor ini.<br>2. Pada 2019 industri komunikasi dan multimedia mencatatkan prestasi dengan nilai permodalan pasaran keseluruhan mencecah RM144.01 bilion atau 8.4 peratus daripada jumlah permodalan pasaran di Bursa Malaysia. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM134.01 bilion disumbangkan oleh sektor telekomunikasi, RM7.29 bilion oleh sektor penyiaran, manakala RM2.71 bilion daripada sektor pos dan kurier<br>3. Pusat hiburan masih tidak dibenarkan beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Justeru itu, pub dan kelab malam yang di bawah pusat hiburan dilarang beroperasi sepanjang tempoh tersebut. Sebelum ini, terdapat laporan mengenai pub dan kelab malam di beberapa lokasi di ibu kota telah beroperasi semula.<br>4. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan secara berfasa bermula 18 Mac memberi kesan peningkatan pemintaan mendadak untuk barangan melalui pelantar atas talian melalui MyGroser. Oleh itu, MyGroser merancang dengan pelabur swasta, penyedia modal dan beberapa bank untuk meraih RM20 hingga RM30 juta untuk mengembangkan perniagaan.<br>5. Aktiviti perniagaan bagi syarikat pengeluar kenderaan telah bermula di bawah PKPB namun belum memberangsangkan kerana pembeli kereta berhati-hati dengan perbelanjaan pasca COVID-19. Proton Holdings Bhd yang telah beroperasi semula di seluruh negara mengatakan situasi perniagaan kini mendorong untuk adaptasi digital bagi menghadapi persekitaran baharu. Selain itu, Mercedes-Benz mengambil pendekatan digital dengan pameran maya (virtual show room) yang membolehkan pelanggan untuk melihat kenderaan yang diinginkan dari keselesaan kediaman mereka sendiri serta pengalaman pemanduan maya (*virtual test drive*). |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Penularan pandemik COVID-19 memberi impak besar kepada sektor pelancongan di Malaysia kerana sektor ini masih tidak dapat beroperasi sehingga kini. Sehubungan itu, strategi Kerajaan untuk memberi tumpuan kepada promosi pelancongan domestik adalah wajar bagi menghidupkan semula sektor ini.<br>2. Selaras dengan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat menerusi penawaran 1GB internet percuma setiap hari dan perubahan norma baharu telah memberi kesan positif kepada peningkatan penggunaan di sektor telekomunikasi. Seterusnya akan menggiatkan rantaian bagi industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta meningkatkan pendapatan ekonomi negara. |

3. Sektor automotif berhadapan situasi mencabar pasca wabak COVID-19 kerana pengguna mengambil langkah berhati-hati terhadap pembelian kenderan baharu. Pendekatan digital oleh syarikat pengeluar kenderaan dengan memperkenalkan pameran maya *(virtual show room)* dalam pemanduan maya *(virtual test drive)* bagi menghadapi norma baharu.
4. Pelaksanaan PKP menyebabkan rakyat perlu kekal di rumah telah memberi kesan peningkatan aktiviti jualan dan pembelian dalam talian seperti MyGroser. Di samping itu, platform ini dapat meningkatkan keupayaan rantaian bekalan dalam ekonomi dan mengukuhkan prestasi sektor perkhidmatan terutamanya jualan subsektor perdagangan borong, runcit dan kenderaan bermotor.

**G. Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)**

| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
|---|---|---|---|
| 1. | **Harian Metro** | **Harga ayam naik 5 kali sepanjang Ramadan**<br><br>PENIAGA ayam mendakwa harga ayam di Kuantan dijangka meningkat 50 sen dalam waktu terdekat, kepada RM9.50 hingga RM10 sekilogram. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/579172/harga-ayam-naik-5-kali-sepanjang-ramadan |
| 2. | **Sinar Harian** | **KPDNHEP siasat kenaikan harga ayam**<br><br>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang menyiasat beberapa aduan berhubung kenaikan harga ayam sejak beberapa hari lalu. | https://www.sinarharian.com.my/article/83754/BERITA/Nasional/KPDNHEP-siasat-kenaikan-harga-ayam |

Penemuan penting & isu:

1. Beberapa pasar di Kuantan mendapati, harga ayam sekitar RM9 hingga RM9.50 sekilogram. Harga ayam daripada pembekal dijual sekitar RM8 hingga RM8.50 sekilogram, mengakibatkan peniaga juga terpaksa menaikkan harga jualan ayam. Kenaikan harga ini berlaku disebabkan pembekal utama menaikkan harga dengan pelbagai alasan.
2. KPDNHEP memaklumkan bahawa bekalan ayam adalah mencukupi dan biasanya harga ayam dijual sekitar RM5. 50 sekilogram.

| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Bahagian ambil maklum berkenaan kenaikan harga ayam segar di pasaran negeri Pahang dan sekiranya harga ayam berterusan naik, ianya akan memberi kesan kepada kelas perbelanjaan 0121 – Daging Segar dalam IHP 2020 negeri tersebut. | | | |
|---|---|---|---|
| **H.** | **Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Astro Awani** | **Satu kematian melibatkan kakitangan KKM, 73 kes pulih dan 17 kes baharu**<br><br>Satu lagi kematian akibat Covid-19 direkodkan di negara ini semalam (16 Mei 2020), menjadikan jumlah kumulatif kematian meningkat kepada 113 kes atau 1.64 peratus daripada jumlah keseluruhan kes. | http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-satu-kematian-melibatkan-kakitangan-kkm-73-kes-pulih-dan-17-kes-baharu-243233 |
| 2. | **Berita Harian** | **Kuala Selangor bebas COVID-19**<br><br>Kuala Selangor menjadi daerah zon hijau kedua di Selangor selepas tiada lagi pertambahan kes aktif COVID-19 di kesan di kawasan itu jam 12 tengah hari, sehingga 16 Mei 2020. | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/05/689661/kuala-selangor-bebas-covid-19 |
| 3. | **Harian Metro** | **Nasib pemilik kedai gunting rambut**<br><br>Pemilik kedai gunting rambut hilang sumber pendapatan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), 18 Mac lalu | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/579240/nasib-pemilik-kedai-gunting-rambut |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **Harian Metro** | **19,875 rakyat Malaysia bekerja di Singapura kembali**<br><br>Seramai 9,875 rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura direkodkan sudah kembali ke negara ini, antara 4 Mac hingga semalam. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689776/19875-rakyat-malaysia-bekerja-di-singapura-kembali |
| 5. | **Bernama** | **MTUC saran kemudahan insurans, perubatan untuk pekerja tempatan di pasar borong**<br><br>Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyarankan agar pekerja tempatan di Pasar Borong Kuala Lumpur diberi kemudahan perlindungan insurans dan perubatan, sesuai dengan risiko pekerjaan yang berdasarkan 3K iaitu 'Keselamatan, Keselesaan dan Kesihatan'. | https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1842935 |
| 6. | **Bernama** | **Sektor pendidikan perlukan pendekatan berbeza semasa PKP**<br><br>Sistem pendidikan nasional boleh diteruskan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika pandemik COVID-19, namun menerusi pendekatan berbeza, demikian menurut Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii). | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1842846 |

Penemuan penting & isu:

1. Dr Noor Hisham memaklumkan sebanyak 73 kes telah pulih, menjadikan jumlah sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah 5,512 kes atau 80.2 peratus daripada jumlah keseluruhan kes. Selain itu, katanya terdapat 17 kes baharu positif COVID-19 dikesan di negara ini setakat 12 tengah

hari Sabtu. Daripada jumlah tersebut, enam kes merupakan kes import melibatkan jangkitan luar negara, manakala 11 kes adalah jangkitan tempatan melibatkan bukan warganegara.

2. Enam daerah di Selngor yang masih di zon kuning adalah Sabak Bernam dengan tiga kes aktif, Klang (11), Hulu Selangor (8); Hulu Langat (39); Gombak (12) dan Sepang (1). Sehingga 16 Mei 2020, Selangor merekodkan jumlah kes terkumpul sebanyak 1,628 dengan 122 kes aktif dan pertambahan hanya satu kes baharu manakala sebanyak 1,441 kes sembuh dengan 21 kematian.
3. Tukang gunting rambut diarahkan pemilik kedai untuk keluar daripada premis semalam selepas gagal menjelaskan tunggakan sewa untuk tempoh tiga bulan akibat penularan wabak Covid-19 yang tidak membenarkan kedai beroperasi sepanjang PKP.
4. Kesemua 19,875 rakyat Malaysia tersebut sudah menjalani proses saringan yang ketat sebelum dibenarkan memasuki negara sama ada di Tambak Johor atau Tanjung Kupang, Gelang Patah. Daripada jumlah itu, seramai 14,655 rakyat Malaysia berkenaan dikuarantin di pusat kuarantin di negeri ini manakala 5,140 menjalani kuarantin kendiri di rumah.
5. Usaha kerajaan menggalakkan belia tempatan bekerja di pasar borong untuk mengurangkan kebergantungan pada pekerja asing adalah baik, namun gaji setimpal sahaja tidak memadai. Langkah ini adalah antara usaha bagi membantu golongan muda yang hilang pekerjaan dan menganggur akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
6. Pendekatan pendidikan yang berbeza dapat dilakukan dengan memberikan lebih kebebasan kepada para pelajar untuk belajar mengikut kemampuan mereka, berpandukan kurikulum digital yang boleh diakses oleh ibu bapa dan pelajar. Pendigitalan dalam bidang pendidikan mudah diperoleh berikutan banyak aplikasi sedia ada untuk menggantikan persekolahan secara konvensional kepada kelas dalam talian.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian sentiasa memantau bilangan kematian disebabkan Covid-19 dan membuat analisis mengikut ciri-ciri asas demografi seperti jantina, kumpulan umur dan negeri. Maklumat kematian disebabkan Covid-19 akan dikumpul bagi tujuan semakan semasa memproses data kematian tahun 2020. Perangkaan kematian dan sebab kematian akan diterbitkan setiap tahun oleh Bahagian. Perangkaan yang diterbitkan seperti kadar kematian mengikut sebab kematian, negeri dan daerah pentadbiran.
2. Tiada lagi pertambahan kes aktif Covid-19 di Kuala Selangor adalah hasil kepatuhan penduduk terhadap pelaksanaan PKP. Dengan ini, jangkaan awal lokasi zon merah di negara ini dijangka akan menurun dan individu sembuh akan meningkat. Beberapa soalan berkaitan kesihatan akan dikumpul semasa Banci 2020 untuk mengukur tahap kesihatan penduduk di Malaysia.

3. Peniaga menggunakan platform media sosial dan digital untuk memastikan perniagaan terus aktif dan mengurangkan impak kerugian sepanjang PKP. Oleh itu, jumlah penduduk yang menjalankan perniagaan secara talian meningkat pada tahun 2020. Melalui Banci 2020, di dalam soal selidik, soalan mengenai tahap capaian pengguna internet di dalam sesebuah TK dan setiap ahli isi rumah telah dimasukkan. Ianya bagi mendapatkan jumlah TK dan perseorangan yang menggunakan kemudahan internet.
4. Penularan wabak Covid-19 secara keseluruhannya menjejaskan aktiviti ekonomi Malaysia terutamanya bagi aktiviti yang melibatkan perkhidmatan secara langsung dengan pelanggan. Soalan berkaitan pekerjaan telah di masukkan dalam Soal Selidik Banci 2020 bagi mengutip jumlah sebenar Penduduk yang bekerja dan Penduduk yang terjejas akibat Covid-19. Maklumat pendapatan Isi Rumah juga akan dikutip semasa Banci 2020.
5. Jabatan akan memastikan bilangan rakyat Malaysia yang pulang ke negara ini dapat dikumpul dengan baik. Data ini akan diperoleh melalui Jabatan Imigresen Malaysia.
6. Soalan berkaitan insurans dan pendidikan telah diliputi dalam Soal Selidik Banci Penduduk dan Perumahan.

| **I.** | **Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **Operasi agensi pelancongan terhad**<br><br>Kerajaan kini membenarkan agensi pelancongan memulakan operasi, tetapi terhad kepada urusan pentadbiran, kewangan dan penjualan.<br><br>Agensi terbabit boleh menyediakan senarai pakej pelancongan sebagai persediaan iaitu apabila kerajaan membenarkan semula aktiviti pelancongan selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).<br><br>Setakat hari ini, aktiviti pelancongan masih dalam senarai terlarang. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689515/operasi-agensi-pelancongan-terhad |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **Berita Harian** | **Karnival kerjaya secara maya dapat sambutan menggalakkan**<br><br>Seramai 16 individu ditawarkan pekerjaan, manakala 220 lagi bakal menghadiri temu duga kedua menerusi Karnival Kerjaya Maya Belia 2020 yang diadakan bermula 11 hingga 15 Mei 2020.<br>Karnival terbabit yang menawarkan 2,500 kekosongan jawatan di seluruh negara mendapat sambutan menggalakkan. Program kebolehpasaran kerjaya ini turut mendapat penyertaan lebih 100 orang pada setiap sesi. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689622/karnival-kerjaya-secara-maya-dapat-sambutan-menggalakkan |
| 3. | **Harian Metro** | **Hotel bajet kembali beroperasi Isnin**<br><br>Menurut Noor Azly yang juga Timbalan Presiden Sektor Utara Persatuan Hotel Budget Malaysia (Mybha), langkah kembali beroperasi diambil bagi menyuntik semula ekonomi khususnya pelancongan di Pulau Langkawi yang terjejas teruk akibat Covid-19.<br><br>Sementara itu, pemilik Time Capsule Retreat di Sungai Lembing, Pahang, Tan Siew Lan memutuskan untuk menutup perkhidmatan penginapannya itu selagi PKP tidak ditamatkan. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/579234/hotel-bajet-kembali-beroperasi-isnin |
| 4. | **The Star** | **'Locals are picky job seekers'**<br><br>Although Pasar Borong Kuala Lumpur traders are willing to hire Malaysians since foreign | https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2020/05/16/lo |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | help has been temporarily stopped, many candidates have been found to be unsuitable.<br><br>There was a steady stream of queries by the locals during this movement control order (MCO) period but the traders said many turned down the job after they were told that they would have to carry heavy loads.<br><br>However, the traders are expecting a change in the situation after the conditional MCO is lifted and market traders have to rely on foreign help again. | cals-are-picky-job-seekers |
| 5. | **Harian Metro** | **DBKL tutup 44 premis perniagaan warga asing**<br><br>Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menutup 44 premis perniagaan yang dikendalikan oleh warga asing setakat hari ini.<br><br>Datuk Bandar Kuala Lumpur berkata, tindakan penguatkuasaan itu dilakukan ke atas premis warga asing yang beroperasi tanpa kebenaran.<br><br>Selain itu, DBKL turut menyita dua premis perniagaan selain 51 lagi premis dalam pemantauan. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/579554/dbkl-tutup-44-premis-perniagaan-warga-asing |
| 6. | **Berita Harian** | **Rombak dasar buruh asing buka peluang warga tempatan**<br><br>Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, | https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/05/689385/rombak-dasar-buruh-asing-buka-peluang-warga-tempatan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | kerajaan akan mengkaji semula dasar buruh asing selepas isu dihadapi 2.3 juta pekerja asing semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).<br><br>Menurut pakar, pekerja asing menyumbang kira-kira 15 hingga 30 peratus jumlah keseluruhan tenaga buruh di Malaysia jika dihitung sama pekerja asing tanpa izin.<br><br>Majikan yang juga ahli Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) dan Persekutuan Pekilang Malaysia (FMM), berkata pekerja asing biasanya diambil untuk mengurangkan kos perniagaan kerana mereka dikenali sebagai buruh murah.<br><br>Bagaimanapun, tindakan ini menyebabkan majikan kurang berminat melakukan peralihan kepada automasi, terus merendahkan gaji dan mengehadkan peluang pekerjaan kepada warga tempatan. | |
| 7. | **Sinar Harian** | **Tawar belia kerja di pasar borong KL tepati situasi semasa**<br><br>Kerajaan perlu mencari inisiatif terbaik bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dengan menawarkan pelbagai insentif yang mampu menarik minat golongan muda supaya menyertai sektor pekerjaan yang biasanya didominasi oleh warga asing. | https://www.sinarharian.com.my/article/83803/BERITA/Nasional/Tawar-belia-kerja-di-pasar-borong-KL-tepati-situasi-semasa |

| | | | |
|---|---|---|---|
